



1 SEKSYEN 2 - TAFSIRAN

"Syarikat Persendirian Terkecuali" ertinya suatu syarikat persendirian yang dalam syernya tiada kepentingan benifisial dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana perbadanan dan yang mempunyai **tidak lebih daripada 20 anggota** yang kesemuanya **bukan suatu perbadanan**

PENALTI: Seksyen 588(2) - Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan penalti atau hukuman tidak melebihi penalti atau hukuman yang disebut dengan nyata sebagai penalti atau hukuman bagi kesalahan itu, atau jika sesuatu penalti atau hukuman tidak disebut -

a- dalam hal seseorang itu merupakan seorang individu, didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya;

b- dalam hal seseorang itu adalah selain seorang individu, didenda tidak melebihi RM50,000

2 SEKSYEN 47 (1) (h), (2) & (3) - DOKUMEN HENDAKLAH DISIMPAN DI PEJABAT BERDAFTAR

(1) (h) Sesuatu syarikat hendaklah menyimpan di alamat pejabat berdaftarnya salinan lengkap bagi semua penyata kewangan dan penyata kewangan kumpulan

(2) Apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), boleh disimpan di tempat selain di pejabat syarikat berdaftar dengan syarat notis mengenainya telah diberikan kepada Pendaftar

(3) Syarikat itu hendaklah memberitahu Pendaftar tentang apa-apa pertukaran alamat yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) dalam tempoh 14 hari dari tarikh pertukaran itu.

PENALTI: Seksyen 47 (4) - Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM10,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi RM500 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.






3

SEKSYEN 257 (1) & (2) - KEWAJIPAN UNTUK MENGEDARKAN SALINAN PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN

(1) Syarikat hendaklah menghantar satu salinan penyata kewangan dan laporan bagi setiap tahun kewangan kepada

a) Setiap anggota syarikat;



b) Setiap orang yang berhak menerima notis mesyuarat agung;

c) Setiap juruaudit syarikat; dan



d) Setiap pemegang debentur syarikat berdasarkan permintaan yang dibuat kepada syarikat



(2) Salinan penyata kewangan dan laporan perlu dihantar kepada alamat terakhir yang dikemukakan oleh syarikat

PENALTI: Seksyen 257 (4) - Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM50,000.



4

SEKSYEN 260 (1) & (2) - KEWAJIPAN UNTUK MENYERAH SIMPAN PERAKUAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN SYARIKAT PERSENDIRIAN TERKECUALI

(1) Suatu syarikat persendirian terkecuali boleh menyerahkan simpan dengan Pendaftar bagi setiap tahun kewangan suatu perakuan yang berhubungan dengan statusnya sebagai syarikat persendirian terkecuali sebagai ganti kehendak dalam perenggan seksyen 259(1)(a) dalam masa 30 hari dari pengedaran penyata kewangan dan laporan itu yang diedarkan di bawah seksyen 258.

(2) Perakuan itu hendaklah ditandatangani oleh pengarah, juruaudit dan setiausaha syarikat yang mengesahkan bahawa :



a- Syarikat itu adalah dan mempunyai pada setiap masa yang berkaitan merupakan suatu syarikat persendirian terkecuali;

b- Suatu penyata kewangan dan laporan teraudit sewajarnya yang dikehendaki di bawah Akta ini telah diedarkan kepada anggotanya; dan

c- Pada tarikh yang penyata kewangan itu dibuat, syarikat itu ternyata berupaya menanggung liabilitinya jika dan apabila ia kena bayar



PENALTI: Seksyen 260 (3) - Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM20,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.



5 SEKSYEN 261 (1) - PERNYATAAN JURUAUDIT

(1) Suatu syarikat yang tidak dikehendaki oleh Akta ini untuk menyerah simpan penyata kewangan kepada Pendaftar hendaklah menyerah simpan kepada Pendaftar suatu pernyataan berhubung penyata kewangan yang diedarkan kepada anggotanya yang ditandatangani oleh juruaudit:

a- Menyatakan sama ada syarikat tersebut pada pendapatnya telah menyimpan rekod perakaunan dan rekod lain dengan sewajarnya sepanjang tempoh yang diliputi akaun tersebut;

b- Menyatakan sama ada penyata kewangan tersebut telah mengikut Akta ini;

c- Menyatakan sama ada laporan juruaudit ke atas penyata kewangan itu telah dibuat tertakluk kepada apa-apa kelayakan atau pendapat di bawah mana-mana piawaian pengauditan yang terpakai, atau termasuk sebarang ulasan yang dibuat di bawah subseksyen 266(3), dan jika demikian butir-butir kelayakan atau ulasan; dan

d- Menyatakan sama ada pada tarikh penyata kewangan itu dibuat, syarikat berupaya menanggung liabilitinya jika dan apabila ia perlu dibayar.

PENALTI: Seksyen 261 (2) - Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM20,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.